



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 23 OKTOBER 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	TIADA ISU KETIRISAN SUBSIDI BPI DI SABAH, SARAWAK DAN LABUAN, SABAH GAZETTE-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BERAS TEMPATAN MASIH KURANG DI PASARAN, NASIONAL, BH-17	
3.	SALUR TERUS SUBSIDI BENIH PADI KEPADA PESAWAH, NASIONAL, BH-17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	JANGAN TANYA KAMI, HARGA NAIK! LOKAL, HM-20	LAIN-LAIN
5.	IPM BANTU PETANI JADI JUTAWAN, NIAGA, KOSMO-37	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

**TIADA ISU KETIRISAN SUBSIDI BPI DI SABAH, SARAWAK DAN LABUAN**

*Chan ketika berucap merasmikan Program Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Sabah.*

**KOTA KINABALU:** Tiada isu ketirisan dalam pemberian subsidi beras putih import (BPI) yang diedarkan di Sabah, Sarawak dan Labuan sejak 5 Oktober lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Chan Foong Hin, berkata subsidi yang diberikan iaitu RM950 satu tan metrik kekal seperti diumumkan kerajaan.

Katanya, harga siling BPI yang disubsidi kerajaan itu juga kekal sebanyak RM31 bagi paket 10 kilogram di Sabah, Sarawak dan Labuan yang akan diteruskan sehingga isu bekalan beras dapat diselesaikan.

Beliau berkata, subsidi berkenaan disalurkan melalui beberapa agensi termasuk Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang mengedarkan BPI untuk jualan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

“Selain harga siling ditetapkan kerajaan, LPP turut mengadakan jualan promosi yang lebih rendah melalui program khas seperti Program Sentuhan Agro Madani dengan harga RM24 satu paket 10 kilogram.

“Maksudnya subsidi yang diberikan ialah antara RM24 hingga RM31. Subsidi disalur melalui LPP kerana pihak terlibat untuk menjual BPI ialah PPK.

“Jadi tiada isu ketirisan yang berlaku. Bagaimanapun, harga RM24 ini hanya tawaran khas, hanya harga siling RM31 kita kekalkan sampai ke masa yang kita perlu,” katanya selepas merasmikan Program Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Sabah di perkarangan Kompleks Sukan Likas, kelmarin.

Katanya, sebanyak 20,000 paket 10 kilogram beras BPI dijual dengan harga RM24 sepaket kepada orang ramai sepanjang dua hari program itu yang berakhir semalam.

Foong Hin turut menasihatkan orang ramai supaya membeli beras mengikut keperluan keluarga bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan rakyat.

Sementara itu, beliau berkata Kerajaan Persekutuan dan Sabah sentiasa komited untuk bekerjasama bagi memastikan kesinambungan pembangunan sektor agromakanan.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga sentiasa berusaha untuk melaksanakan pendekatan baharu menangani isu keterjaminan makanan melalui pertanian berskala besar.

“Pendekatan ini bagi meningkatkan lagi pengeluaran padi dan beras, pemodenan teknologi pertanian, pembabitkan pihak swasta dan pemain industri,” katanya.

Beliau berkata, Sabah berpotensi sebagai penggerak penting dalam menampung ketersediaan bekalan makanan negara berikutan tanah dan perairan yang luas.

Program Sentuhan Agro Madani peringkat negeri Sabah itu berlangsung hingga hari ini membabitkan sebanyak 29 jabatan dan agensi di bawah KPKM serta kementerian lain serta negeri.

Selain beras, pelbagai hasil pertanian dan perikanan serta industri asas tani turut dijual oleh usahawan LPP dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). – BHARIAN

Headline	Beras tempatan masih kurang di pasaran
MediaTitle	Berita Harian
Date	23 Oct 2023
Section	Nasional
Page No	17
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily

Color	Full Color
Circulation	82,252
Readership	246,756
ArticleSize	266 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 8,808
PR Value	RM 26,424



## Beras tempatan masih kurang di pasaran

**Kuala Lumpur:** Beras putih tempatan (BPT) masih sukar didapati di pasaran sehingga kini walaupun Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memutuskan akan memberi lesen borong kepada pengusaha restoran bagi membolehkan pembelian beras putih import (BPI) pada harga borong.

Perkara itu diakui Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Ameer Ali Mydin yang juga Pengarah Urusan Mydin yang memaklumkan beras tempatan masih tiada di pasaran sehingga menyusahkan orang ramai.

"Walaupun kerajaan mengambil inisiatif memberi lesen borong kepada pengusaha restoran untuk memastikan rakyat dapat membeli beras putih tempatan, tetapi ia tidak berkesan menyelesaikan masalah kekurangan bekalan beras.

"Ini kerana harga beras tempatan masih murah di pasaran iaitu RM26 untuk 10 kilogram menyebabkan peniaga ma-

sih memilih untuk membeli beras berkenaan walaupun kerajaan tawarkan harga borong RM32 sekilogram.

"Jadi bagi saya, ini tidak akan dapat menyelesaikan masalah melainkan jika kerajaan membuat keputusan menaikkan harga beras putih tempatan," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini, KPKM memutuskan akan beri lesen borong kepada pengusaha restoran bagi membolehkan mereka membeli beras import pada harga borong RM3.20 sekilogram daripada Padiberas Nasional Bhd (BERNAS).

Ia sebagai usaha jangka pendek kerajaan mengatasi masalah kekurangan beras putih tempatan susulan pengguna kurang membeli beras import yang harganya meningkat.

Mengulas lanjut, Ameer berka-

ta, tidak semua peniaga termasuk pengusaha kantin mampu membeli beras import walaupun dijual dengan harga borong.

Katanya, pengusaha kantin tidak boleh ke BERNAS semata-mata untuk membeli beras kerana akan meningkatkan kos, tambahan pula mereka bukan membeli dalam jumlah yang banyak.

"Pengusaha kantin jika ke BERNAS perlu membayar secara tunai berbanding membeli daripada pembekal sendiri yang menawarkan kemudahan pembayaran tertunda atau secara hutang.

"Namun, saya tidak nafikan idea ini bagus, tetapi memang sukar untuk direalisasikan," katanya.

Justeru, Ameer mencadangkan kerajaan menaikkan harga

beras putih tempatan, sebagai contoh RM32 untuk 10 kilogram berbanding RM26 sekarang.

Katanya, jika harga beras tempatan dinaikkan, orang ramai mungkin tidak kisah untuk membeli beras import pada harga RM40 sekilogram.

"Jika ini dapat dilaksanakan, saya yakin ia dapat menambahkan semula bekalan beras tempatan di pasaran," katanya.

Beliau turut mencadangkan kerajaan melantik syarikat lain untuk mengimport beberapa jutatan beras untuk sementara ini bagi mengatasi kekurangan bekalan.

"Cadangan ini boleh dibuat sehingga selesai atau masalah kekurangan beras tempatan dapat diatasi.

"Bagaimanapun, saya bersetiausaha ini tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya masalah bekalan, tetapi sekurang-kurangnya membantu memastikan bekalan beras di Malaysia sentiasa ada," katanya.



Ameer Ali Mydin

Headline	'Salur terus subsidi benih padi kepada pesawah'		
Media Title	Berita Harian		
Date	23 Oct 2023	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	17	Readership	246,756
Language	Malay	Article Size	167 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	Ad Value	RM 2,826
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,478



## 'Salur terus subsidi benih padi kepada pesawah'

**Alox Setar:** Badan Bertindak Pertanian Muda (MADA) mentakwa isu kelewatan agihan benih padi yang berlarutan sejak soklan lama berpunca daripada manipulasi pihak pengeluar benih padi sah (BPS) yang menunggu subsidi daripada kerajaan.

Sehubungan itu, pengurus badan bertindak, Che Ani Mat Zain, berkata kerajaan digesa menyalurkan subsidi BPS terus kepada pesawah bagi mengatasi isu berkenaan.

Katanya, pengeluar akan menahan bekalan BPS yang seharusnya diterima pesawah mengikut jadual ditetapkan sehingga bayaran subsidi diterima mereka.

"Subsidi benih padi itu jangan diberi kepada pembekal, mereka ini hanya berebut nabukan subsidi, jadi lebih baik subsidi terus diberikan kepada petani dan kerajaan tetapkan harga silingnya.

"Saya yakin apabila subsidi BPS diterima pesawah, pembekal akan bersaing untuk mengeluarkan benih padi lebih berkualiti dengan harga berpatutan, selain dapat diagihkan mengikut jadual tanaman," katanya ketika dihubungi *MI* semalam.

Bekas berkata demikian mengulas langkah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaksanakan penyelarasan harga kawalan maksimum baharu bagi program Insentif BPS di Semenanjung.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, dilaporkan berkata, melalui tindakan itu harga maksimum di pintu gudang syarikat pengeluar BPS diselaraskan daripada RM61 kepada RM40 bagi setiap kampak 20 kilogram (kg).

Bagi peringkat peruncit pula, katanya, harga maksimum BPS diselaraskan daripada RM35 kepada RM45 setiap kampak 20kg.

Mengulas lanjut, Che Ani berkata, pelaksanaan bayaran subsidi terus kepada pesawah dilihat mampu memastikan bekalan BPS dapat diagihkan segera mengikut jadual musim tanaman.

Katanya, harga maksimum benih padi sah pada peringkat peruncit perlu diselaraskan daripada RM35 kepada RM46 per kampak 20kg dengan ia masih lagi berpatutan berbanding harga benih di pasaran gelap yang mancah antara RM50 hingga RM70 per kampak.

"Isu BPS ini berlarutan soklan lama, contohnya musim kedua tahun ini pesawah sepatutnya sudah memulakan proses menabur benih padi pada 28 September lalu, namun ada pesawah tidak dapat berbuat demikian kerana tiada bekalan BPS," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2023	HARIAN METRO	LOKAL	20

## HARGA AYAM DI KL NAIK 60 SEN KEPADA RM9.40 SEKILOGRAM

# Jangan tanya kami harga naik!

Oleh Noor Hidayah Tanzizi  
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**H**arga ayam segar yang dijual di sekitar ibu kota mengalami kenaikan kepada RM9.40 sekilogram dalam tempoh seminggu menyebabkan barang mentah itu kini dijual dengan harga RM9.40 sekilogram.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Raja Bot atau lebih dikenali sebagai Pasar Chow Kit dan Pasar Dato' Keramat, di sini, mendapati rata-rata peniaga menjual ayam bulat segar pada harga terbabit dengan beberapa peniaga ditemui mendakwa harga tidak menentu dan tiada kawalan tetap.

Peniaga ayam, Nur Farah Izzati Halim, 25, mendakwa dalam tempoh seminggu ini, harga ayam dibeli daripada pemborong mengalami kenaikan sebanyak dua kali iaitu pada Isnin yang dijual pada harga RM7.90 sekilogram dan Rabu, RM8.50.

Menurutnya, disebabkan mereka terpaksa men-

jual ayam pada harga RM9.40 sekilogram dan boleh dikatakan semua pasar di sekitar Kuala Lumpur menjual ayam pada harga berkenaan.

"Jangan tanya kami kenapa harga ayam naik kerana kami juga terpaksa mengikut harga pemborong dan terpaksa juga dijual mengikut harga yang wajar untuk mengelakkan kerugian kerana ada memikirkan kos lain, lagipun untung tak banyak.

"Mungkin harga kerap naik selepas pengumuman Belanjawan 2024 lalu mengenai pelaksanaan apungan harga ayam dan telur tetapi setakat ini harga ayam masih belum ada kawalan supaya tiada kenaikan mendadak," katanya ketika ditemui.

Katanya, sebagai peniaga dia berharap kerajaan dapat memikirkan mekanisme terbaik melalui pelaksanaan berkenaan yang bukan saja menguntungkan rakyat tetapi peniaga, pemborong dan penternak.

"Kami harap ia dapat mengawal harga ayam dan tak mahu lagi naik mendadak dalam selang tempoh yang pendek. Harga ayam ini kalau naik memang banyak kali tetapi kalau turun boleh dikira,



HARGA ayam segar yang dijual di sekitar ibu kota mengalami kenaikan harga.



*Kami harap ia dapat mengawal harga ayam dan tak mahu lagi naik mendadak dalam selang tempoh yang pendek"*

Nur Farah Izzati

malah sekejap saja sebelum naik semula," katanya.

Seorang lagi peniaga yang mahu dikenali sebagai Ahmad berkata, sebelum ini dia boleh mendapatkan ayam yang dijual pada harga RM7.10 hingga RM7.90 sekilogram daripada pemborong.

"Harga ayam memang kerap naik, kalau seminggu lalu saya boleh jual ayam pada harga RM9 sekilogram tetapi hari ini

ayam terpaksa dinaikkan sehingga RM9.40 sekilogram tetapi setakat ini bekalkannya masih ada.

"Dalam masa sebulan ini sudah berbunyi kerana harga kerap juga naik tetapi mahu buat macam mana lagi kami juga terpaksa," katanya.

Sementara itu, tinjauan harga telur pula mendapati harga telur masih sama cuma bekalan keper-

luan asas itu bagi gred A, B dan C masih berkurangan di pasaran berbanding telur gred AA yang bersaiz lebih besar selain telur ayam kampung.

Telur ayam gred AA dijual pada harga RM17 seapan, manakala gred A (RM13.50 hingga RM14), gred B (RM12.90 hingga RM13.50) di beberapa premis termasuk kedai runcit.

Peniaga dikenali sebagai Lim berkata, setakat ini dia masih menjual telur pada harga disarankan, namun mengakui bekalan barangan itu masih berkurangan terutama gred C.

"Telur gred A, B dan C memang sukar nak dapat terutama yang paling kecil iaitu C yang mana sekali seminggu saja boleh dapat berbanding sebelum ini setiap hari boleh dapat bekalan semua gred telur. Sekarang gred paling besar AA saja yang banyak dan harganya memang agak mahal ikut saiz.

"Sekarang ini kami jual telur hanya dapat untung RM0.60 seapan dan untuk jual semula berapa pula kami mahu letak harganya. Kalau ambil untung lebih sikit orang bising pula dan kebetulan bekalan memang kurang ketika ini," katanya.

# IPM bantu petani jadi jutawan

## SEMBANG KORPORAT

**KOSMO:** Boleh jelaskan tentang kepakaran ABS?

**RAVICHANDAR:** Kami adalah syarikat yang terlibat dalam teknologi IPM yang mana perkhidmatan yang ditawarkan adalah bersifat menyeluruh termasuk latihan.

Bermula peringkat pembelajaran, kami ajar petani kaedah menanam benih yang betul, memilih dan memberi baja yang tepat, cara memantau tumbesaran pokok, bagaimana mengambil data dan masa sesuai untuk tuai, selain teknologi pembungkusan.

**Apa itu teknologi IPM?**

ia merujuk kepada kaedah penanaman yang tidak menyebarkan racun kimia. Apabila petani sembur bahan kimia pada tanaman, tumbuhan di sekeliling turut menerima kesan jadi hasil tuaian tidak banyak.

Saya jadikan Belanda, yang mana saiznya lebih kecil daripada Pahang sebagai negara contoh yang berjaya dalam IPM. Di Malaysia, kita memiliki tanah yang luas dan saya fikir kita perlu buat sesuatu untuk berubah dalam sektor pertanian.

**Berunding negara lain, adakah Malaysia ketinggalan dalam bidang IPM?**

Negara seperti Korea Selatan telah menggunakan teknologi IPM sejak 37 tahun lalu. Jepun su-

ISU berkaitan keterjaminan makanan di Malaysia dilihat semakin serius dan banyak pihak mula mengambil langkah awal untuk memastikan rakyat di negara ini terus mendapat manfaat jangka panjang.

Menyedari peri pentingnya perkara itu, ABS Greentech Sdn. Bhd. (ABS), sebuah syarikat pertanian aktif memainkan peranannya dalam membantu petani meningkatkan hasil tuai, sekali gus menambah pendapatan mereka dalam keadaan ekonomi sukar sekarang.

Salah satu bidang kemahiran ABS adalah teknologi *Integrated Pest Management* (IPM), atau pengurusan perosak bersepadu dan banyak projek pertanian yang dijalankan dengan beberapa pihak telah menunjukkan kejayaan seterusnya membantu petani keluar daripada kepompong kemiskinan.

dah 41 tahun dan Taiwan menggunakan IPM sejak 35 tahun lalu. Vietnam juga sudah di hadapan dengan 13 tahun pengalaman dalam bidang ini.

Malaysia baru bermula dan kami yakin persidangan yang dianjurkan syarikat baru-baru ini akan menjadi langkah awal untuk negara kita terus aktif dalam bidang IPM.

**Siapakah pelanggan ABS?**

Pelanggan kami terdiri daripada agensi kerajaan yang memerlukan latihan dalam bidang ini.

Kami menawarkan khidmat membantu petani mendapatkan hasil lebih melalui IPM dan modul



**KEBUN** sayur yang menggunakan teknologi IPM akan mengeluarkan hasil yang lebih banyak dan berkualiti.

"Jika petani ada ilmu dalam kaedah pertanian pintar, mereka boleh menjadi jutawan," jelas Ketua Pegawai Eksekutif ABS, RM Ravichandar dalam satu temu bual selepas majlis penutup Persidangan *Asia Smart Farming and Food Security* (ASF) 2023 di

Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Bersempena persidangan tersebut, 11 perjanjian persefahaman (MoU) bernilai RM550 juta dimeterai membabitkan beberapa negara seperti Arab Saudi, Dubai dan Korea Selatan.



**RAVICHANDAR** (kiri) bersama peserta ASF 2023 yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

yang kami bangunkan adalah hasil kerjasama antara syarikat dengan rakan dari Belanda.

Ia telah diguna pakai oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor dan kira-kira 11 pegawai daripada jabatan tersebut terlibat dalam latihan ini.

Pelanggan kedua kami adalah petani yang tidak mempunyai pemasaran dan pembiayaan serta tidak tahu tentang teknologi. ABS akan bantu petani dalam bidang pemasaran dan mendapatkan pembiayaan, tetapi pada awalnya mereka perlu menalani latihan. Jika diberikan ilmu yang betul, mereka boleh berjaya dalam bidang ini.

**Apakah kelebihan IPM kepada hasil pertanian?**

Kita akan mula melihat kelebihannya pada tahun kedua kerana untuk tahun pertama, fokus adalah untuk mempelajari kaedah yang tepat.

Masuk tahun kedua, hasil pertanian akan meningkat kemungkinan dua, tiga atau sehingga empat kali ganda. Sebagai contoh untuk tanaman cili, hasil boleh dikutip pada bulan ketiga dan kutipan berterusan selama dua bulan tanpa IPM.

Dengan menggunakan IPM, petani boleh menuai selama tujuh bulan, bermakna tempoh tuai menjadi panjang.

**Apa rancangan ABS pada tahun depan?**

Kami akan memanfaatkan 1,000 petani baharu untuk projek tanaman baharu. Ia antaranya melibatkan tanaman nanas dan cili di Johor dengan keluasan 50 ekar (20 hektar) yang mana kami memerlukan lebih daripada 100 petani.



AFS 2023 memeterai sebanyak 11 perjanjian persefahaman bernilai RM550 juta membabitkan negara seperti Arab Saudi, Dubai dan Korea Selatan bagi pemerkasan sektor pertanian.